

PM pilih reka bentuk astaka terbaik

UM 26 JUL 2003

KUALA LUMPUR 25 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan memilih sendiri reka bentuk astaka terbaik daripada 66 penyertaan bagi pertandingan mencipta astaka untuk Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali ke-45.

Pengerusi Jawatankuasa Pameran dan Pemilihan Reka Bentuk Astaka, Noorisah Abd. Shukor berkata, sebelum itu semua penyertaan akan melalui dua peringkat saringan dan hanya lima peserta akhir yang berpeluang memenangi pertandingan tersebut.

“Panel hakim akan memilih 10 penyertaan terbaik daripada 66 penyertaan itu sebelum Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin menentukan lima astaka untuk ke peringkat akhir,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sebelum itu beliau menghadiri Majlis Perasmian Pameran Reka Bentuk Astaka Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Ka-

li ke-45 yang disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Kerja Raya I, Datuk Dr. Wahid Omar.

Majlis tilawah yang merupakan acara tahunan negara dijangka diadakan hujung tahun ini.

Tahun lepas, rekaan kreatif berkonsepkan keunikan kelopak bunga dan biji benih oleh tiga pelajar tahun dua Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur Universiti Teknologi Mara (UiTM), iaitu Mohd. Shamsul Baharin Mohd. Hoesni, Shahrim Naim Ibrabim dan Norhasni Mohd. Kassim berjaya menewaskan 52 penyertaan lain.

Fakulti itu mencatat kecemerlangan apabila memenangi pertandingan mencipta astaka berkenaan untuk kali keenam berturut-turut.

Noorisah berkata, penyertaan tahun ini meningkat berbanding 52 penyertaan tahun lepas dan penyertaan paling banyak adalah dari UiTM dengan 27 penyertaan.

Beberapa institusi pengajian tinggi tempatan lain Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa dan Jabatan Kerja Raya turut menghantar rekaan masing-masing.